



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
Director General of Education Malaysia
ARAS 8, BLOK E8
Level 8, Block E8
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
Government Complex Parcel E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
Federal Government Administrative Centre
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6077
Faks: 03-8889 4548
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld.6(51)
Tarikh : // Ogos 2021

Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 6 TAHUN 2021

PENAMBAHBAIKAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA PERINGKAT
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI,
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH DAN INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

TUJUAN

Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Penambahbaikan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan Institusi Pendidikan bawah KPM.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat Bil. 1/2020 Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 28 September 2020 telah memutuskan supaya semua agensi meneliti peranan masing-masing berdasarkan Arahan No.20 (Semakan Semula) bertarikh 30 Mac 2012 berkaitan Dasar dan Mekanisme Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara. Keputusan ini adalah untuk memastikan kesiapsiagaan dalam pengurusan bencana pada semua peringkat iaitu peringkat Jawatankuasa

Pengurusan Bencana Pusat, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah. Jawatankuasa ini melibatkan semua agensi badan kerajaan dan bukan kerajaan yang mempunyai kaitan langsung dalam aspek sokongan kewangan, kepakaran, kemudahan dan sumber manusia. KPM turut terlibat sebagai ahli pada semua peringkat jawatankuasa tersebut.

3. Sehubungan dengan itu, KPM mengambil inisiatif membuat penambahbaikan pada Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2009: Penubuhan Jawatankuasa Bencana di Peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan Sekolah bertarikh 17 November 2009. Penambahbaikan ini mengambil kira perubahan struktur KPM pada tahun 2019 dan risiko bencana masa kini yang melibatkan institusi pendidikan KPM.

4. Mesyuarat Profesional KPM Bil. 15/2021 bertarikh 19 April 2021 telah meluluskan cadangan Penambahbaikan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia serta terma rujukan jawatankuasa tersebut.

TAFSIRAN

5. Bencana adalah suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya serta memerlukan tindakan penggemblerangan sumber yang ekstensif. Bencana seperti banjir, ribut, tanah runtuh, jerebu dan wabak penyakit adalah antara bencana yang kerap berlaku di negara ini. Tafsiran ini adalah berdasarkan Arahan No. 20 (Semakan Semula).

PELAKSANAAN

6. KPM melaksanakan penambahbaikan jawatankuasa pengurusan bencana melibatkan perkara seperti berikut:

- i. menyusun semula ahli jawatankuasa berdasarkan jawatan dan fungsi struktur baharu KPM;
- ii. menambah jawatankuasa yang baharu melibatkan institusi pendidikan bawah KPM, selain sekolah; dan
- iii. menyediakan terma rujukan jawatankuasa.

7. Bersama-sama ini dilampirkan senarai Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia serta terma rujukan seperti dalam Lampiran 1 dan Lampiran 2 untuk rujukan.

TARIKH KUAT KUASA

8. SPI ini berkuat kuasa serta merta mulai pada tarikh SPI ini dikeluarkan.

PEMBATALAN

9. Dengan berkuat kuasanya SPI ini, maka **Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.9/2009: Penubuhan Jawatankuasa Bencana di Peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan Sekolah bertarikh 17 November 2009** adalah **dibatalkan**.

10. SPI ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan SPI, surat siaran, surat pemakluman dan arahan serta peraturan berkaitan yang sedang berkuat kuasa dan yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

11. YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dengan memaklumkan kandungan SPI ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD, institusi pendidikan dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Dr./tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATIN SRI HAJAH NOR ZAMANI BINTI ABDOL HAMID)

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k.
1. YB. Menteri Kanan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
 2. YB. Timbalan Menteri Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia
 3. YB. Timbalan Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
 6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
 7. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA
PERINGKAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

PENASIHAT	:	Ketua Setiausaha
PENGERUSI	:	Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia
TIMBALAN PENERUSI	:	Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Operasi Sekolah) Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Pembangunan Profesionalisme Keguruan) Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia (Sektor Dasar dan Kurikulum)
SETIAUSAHA	:	Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
URUS SETIA	:	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian

AHLI JAWATANKUASA:

1. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
2. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
3. Pengarah
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
4. Pengarah
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
5. Pengarah
Bahagian Pendidikan Swasta
6. Pengarah
Bahagian Matrikulasi
7. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
8. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh

9. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
10. Pengarah Peperiksaan
Lembaga Peperiksaan
11. Setiausaha Bahagian
Bahagian Kewangan
12. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan
13. Setiausaha Bahagian
Bahagian Genius
14. Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan
15. Setiausaha Bahagian
Bahagian Psikologi dan Kaunseling
16. Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Aset
17. Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri
18. Yang Dipertua
Majlis Pengetua Sekolah Malaysia Kebangsaan
19. Yang Dipertua
Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia

TURUT HADIR

Ketua-ketua jabatan lain daripada bahagian/jabatan kerajaan atau agensi swasta lain yang berkaitan.

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA
PERINGKAT JABATAN PENDIDIKAN NEGERI**
(Semua Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) kecuali JPN Perlis,
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan (JPWP) Labuan dan JPWP Putrajaya)

PENGERUSI	:	Pengarah Pendidikan
TIMBALAN PENGERUSI	:	Timbalan Pengarah Sektor Perancangan dan Pengurusan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)
		Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah
		Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid
		Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran
SETIAUSAHA	:	Ketua Penolong Pengarah Kanan (KPPK) Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD
TIMBALAN SETIAUSAHA 1	:	KPPK Sektor Pengurusan Sekolah
TIMBALAN SETIAUSAHA 2	:	Ketua Penolong Pengarah (KPP) Hal Ehwal Murid (HEM) Sektor Pembangunan Murid
URUS SETIA	:	Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD

AHLI JAWATANKUASA:

1. Pengarah
Institut Pendidikan Guru
2. Pengarah
Kolej Matrikulasi
3. Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah

4. KPPK/KPP yang mengetuai sektor:
 - 4.1 Sektor Pendidikan Islam
 - 4.2 Sektor Pendidikan Khas
 - 4.3 Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan
 - 4.4 Sektor Psikologi dan Kaunseling
 - 4.5 Sektor Pengurusan
 - 4.6 Sektor Infrastruktur dan Perolehan
 - 4.7 Sektor Sumber Manusia
 - 4.8 Sektor Pengurusan Maklumat
 - 4.9 Sektor Sumber dan Teknologi Pendidikan
 - 4.10 Sektor Integriti
5. Yang Dipertua
Majlis Pengetua Sekolah Malaysia Negeri/WP
6. Yang Dipertua
Majlis Guru Besar Negeri/WP

TURUT HADIR:

Ketua-ketua jabatan lain daripada bahagian/jabatan kerajaan atau agensi swasta lain yang berkaitan.

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA
PERINGKAT JABATAN PENDIDIKAN NEGERI
(JPN Perlis, JPWP Labuan dan JPWP Putrajaya sahaja)**

PENGERUSI	:	Pengarah Pendidikan
TIMBALAN PENERUSI	:	Timbalan Pengarah Sektor Perancangan
	:	Timbalan Pengarah Sektor Pengurusan Sekolah
	:	Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Murid
	:	Timbalan Pengarah Sektor Pembelajaran
SETIAUSAHA	:	Ketua Penolong Pengarah (KPP)/Penolong Pegarah (PP) Sektor Perancangan
TIMBALAN SETIAUSAHA 1	:	KPP/PP Sektor Pengurusan Sekolah
TIMBALAN SETIAUSAHA 2	:	KPP/PP HEM Sektor Pembangunan Murid
URUS SETIA	:	Sektor Perancangan

AHLI JAWATANKUASA:

1. Pengarah
Institut Pendidikan Guru
2. Pengarah
Kolej Matrikulasi
3. Semua Ketua Penolong Pengarah Kanan/KPP yang mengetuai sektor:
 - 3.1 Sektor Pendidikan Islam
 - 3.2 Sektor Pendidikan Khas
 - 3.3 Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan

- 3.4 Sektor Psikologi dan Kaunseling
 - 3.5 Sektor Pengurusan
 - 3.6 Sektor Infrastruktur dan Perolehan
 - 3.7 Sektor Sumber Manusia
 - 3.8 Sektor Pengurusan Maklumat
 - 3.9 Sektor Sumber Teknologi Pendidikan
 - 3.10 Sektor Integriti
- 4. Yang Dipertua
Majlis Pengetua Sekolah Malaysia Negeri/WP
 - 5. Yang Dipertua
Majlis Guru Besar Negeri/WP

TURUT HADIR:

Ketua-ketua jabatan lain daripada bahagian/jabatan kerajaan atau agensi swasta lain yang berkaitan.

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA
PERINGKAT PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH**

PENGERUSI	:	Pegawai Pendidikan Daerah
TIMBALAN PENGERUSI	:	Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Sektor Perancangan Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Sektor Pengurusan Sekolah Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Sektor Pembangunan Murid Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Sektor Pembelajaran
SETIAUSAHA	:	Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Sektor Perancangan
PENOLONG SETIAUSAHA	:	Penolong Pegawai Tadbir Sektor Pengurusan
URUS SETIA	:	Sektor Perancangan

AHLI JAWATANKUASA:

1. Penolong Pegawai Pendidikan Daerah mewakili sektor yang berikut:
 - 1.1 Sektor Pembelajaran
 - 1.2 Sektor Pengurusan Sekolah
 - 1.3 Sektor Pembangunan Murid
 - 1.4 Sektor Pentaksiran dan Peperiksaan
 - 1.5 Sektor Psikologi dan Kaunseling
2. Yang Dipertua
Majlis Pengetua Sekolah Malaysia Daerah
3. Pengerusi
Majlis Guru Besar Daerah

TURUT HADIR:

Ketua-ketua jabatan lain daripada bahagian/jabatan kerajaan atau agensi swasta lain yang berkaitan.

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA
PERINGKAT SEKOLAH**

PENGERUSI	:	Pengetua/Guru Besar
TIMBALAN PENERUSI	:	Guru Penolong Kanan Pentadbiran
SETIAUSAHA	:	Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid

AHLI JAWATANKUASA:

1. Semua Guru Penolong Kanan
2. Semua Guru Kanan Mata Pelajaran (Sekolah Menengah)
3. Semua Ketua Panitia (Sekolah Rendah)
4. Ketua Pembantu Tadbir/Pembantu Tadbir
5. Guru Bimbingan/Guru Kaunseling
6. Penyelaras Tahun/Tingkatan
7. Ketua Warden/Warden (jika berkenaan)
8. Ketua Guru Disiplin
9. Penyelaras Pendidikan Khas (Jika tiada Guru Penolong Kanan Pendidikan Khas)
10. Guru Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan (3K)
11. Guru Data
12. Guru Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT)
13. Penyelia Asrama (jika berkenaan)
14. Penyelaras Prasekolah(jika berkenaan)
15. Lembaga Pengelola Sekolah (jika berkenaan)

TURUT HADIR:

Ketua-ketua jabatan lain daripada bahagian/jabatan kerajaan, Yang Dipertua/wakil Persatuan Ibu-Bapa dan Guru (PIBG) atau agensi swasta lain yang berkaitan.

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA
PERINGKAT KOLEJ TINGKATAN ENAM**

PENGERUSI	: Pengetua
TIMBALAN PENGERUSI	: Guru Penolong Kanan Pentadbiran
SETIAUSAHA	: Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid

AHLI JAWATANKUASA:

1. Guru Penolong Kanan Kokurikulum
2. Semua Ketua Jabatan/Unit
3. Guru Kaunseling
4. Ketua Warden/Warden (jika berkenaan)
5. Ketua Guru Disiplin
6. Guru Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan (3K)
7. Guru Data
8. Penyelia Asrama (jika berkenaan)
9. Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) (jika ada)

TURUT HADIR:

Ketua-ketua jabatan lain daripada bahagian/jabatan kerajaan, Yang Dipertua/wakil Persatuan Ibu-Bapa dan Guru (PIBG), Pengerusi Majlis Pelajar atau agensi swasta lain yang berkaitan.

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA
PERINGKAT KOLEJ VOKASIONAL (KV)**

PENGERUSI	: Pengarah
TIMBALAN PENGERUSI	: Timbalan Pengarah Sokongan Akademik
SETIAUSAHA 1	: Ketua Unit Hal Ehwal Pelajar
SETIAUSAHA 2	: Ketua Unit Pengurusan Asrama
URUS SETIA	: Pensyarah yang dilantik oleh Pengerusi

AHLI JAWATANKUASA:

1. Semua Ketua Jabatan
2. Semua Ketua Unit
3. Semua Ketua Bengkel
4. Ketua Warden

TURUT HADIR:

Ketua-ketua jabatan lain daripada bahagian/jabatan kerajaan, pensyarah, kakitangan, wakil dari Majlis Pemuafakatan Kolej Vokasional, Yang Dipertua/wakil Persatuan Ibu-Bapa dan Guru (PIBG) atau agensi lain yang berkaitan.

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA
PERINGKAT KOLEJ MATRIKULASI (KM)**

PENGERUSI	: Pengarah
TIMBALAN PENGERUSI	: Timbalan Pengarah
SETIAUSAHA 1	: Ketua Unit Pentadbiran (Pegawai Eksekutif Kanan)
SETIAUSAHA 2	: Ketua Jabatan Pengurusan Pelajar
URUS SETIA	: Unit Pentadbiran

AHLI JAWATANKUASA:

1. Semua Ketua Jabatan
2. Semua Ketua Unit
3. Penolong Akauntan
4. Ketua Warden/Felo

TURUT HADIR:

Ketua-ketua jabatan lain daripada bahagian/jabatan kerajaan, pensyarah, kakitangan atau agensi swasta lain yang berkaitan.

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA
PERINGKAT INSTITUSI PENDIDIKAN GURU (IPG)**

PENGERUSI	: Pengarah IPG Kampus
TIMBALAN PENGERUSI	: Timbalan Pengarah IPG Kampus
SETIAUSAHA 1	: Ketua Unit Khidmat Pengurusan
SETIAUSAHA 2	: Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar
URUS SETIA	: Unit Khidmat Pengurusan

AHLI JAWATANKUASA:

1. Semua Ketua Jabatan
2. Semua Ketua Unit
3. Penolong Akauntan
4. Ketua Warden
5. Penolong Pengurus Asrama
6. Guru Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan (3K)

TURUT HADIR:

Ketua-ketua jabatan lain daripada bahagian/jabatan kerajaan, pensyarah, kakitangan atau agensi lain yang berkaitan.

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA
PERINGKAT PUSAT ANAK GENIUS NEGARA**

PENGERUSI : Ketua Pendidik
TIMBALAN PENGERUSI : Penolong Ketua Pendidik
SETIAUSAHA : Pendidik

AHLI JAWATANKUASA:

Semua Pendidik

TURUT HADIR:

Ketua-ketua jabatan lain daripada bahagian/jabatan kerajaan, wakil Persatuan Ibu Bapa dan Pendidik (PIBP) Pusat Anak Genius Negara (PIGN) atau agensi swasta lain yang berkaitan.

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA
PERINGKAT KOLEJ GENIUS INSAN
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

PENGERUSI	:	Pengarah
TIMBALAN PENGERUSI	:	Timbalan Pengarah
SETIAUSAHA	:	Penyelaras Hal Ehwal Murid

AHLI JAWATANKUASA:

1. Semua ahli Jawatankuasa Pengurusan Kolej Genius Insan
2. Kaunselor
3. Ketua Felo
4. Ketua Guru Disiplin
5. Guru Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan (3K)
6. Guru Data
7. Penyelia Asrama

TURUT HADIR:

Ketua-ketua jabatan lain daripada bahagian/jabatan kerajaan, wakil Badan Muafakat KGI dan atau agensi lain yang berkaitan.

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA
PERINGKAT PUSAT GENIUS KURNIA**

PENGERUSI : Pengarah
TIMBALAN PENGERUSI : Ketua Program 2
SETIAUSAHA : Penolong Pengarah

AHLI JAWATANKUASA:

1. Pegawai Intervensi
2. Penolong Pegawai Intervensi
3. Pegawai Intervensi Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan (3K)
4. Pegawai Perhubungan Keluarga
5. Pegawai Perhubungan Awam

TURUT HADIR:

Ketua-ketua jabatan lain daripada bahagian/jabatan kerajaan, wakil Persatuan Ibu Bapa dan Ahli Intervensi (PIBI) atau agensi swasta lain yang berkaitan.

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA
PERINGKAT KOLEJ GENIUS@PINTAR NEGARA**

PENGERUSI	: Pengarah Pusat GENIUS@Pintar Negara Universiti Kebangsaan Malaysia
TIMBALAN PENGERUSI	: Timbalan Pengarah Pusat GENIUS@Pintar Negara Universiti Kebangsaan Malaysia
SETIAUSAHA	: Ketua Kolej GENIUS@Pintar Negara Kampus Seremban

AHLI JAWATANKUASA:

1. Penyelaras Hal Ehwal Murid
Kolej GENIUS@Pintar Negara Kampus UKM Bangi
2. Penyelaras Hal Ehwal Murid
Kolej GENIUS@Pintar Negara Kampus Seremban
3. Penyelaras Hal Ehwal Akademik
Kolej GENIUS@Pintar Negara Kampus UKM Bangi
4. Penyelaras Hal Ehwal Akademik
Kolej GENIUS@Pintar Negara Kampus Seremban
5. Guru Kanan Mata Pelajaran
6. Guru Bimbingan dan Kaunseling
7. Ketua Warden
8. Guru Data
9. Penyelia Asrama

TURUT HADIR:

Ketua-ketua jabatan lain daripada bahagian/jabatan kerajaan, wakil Persatuan Muafakat Kolej GENIUS@Pintar Negara atau agensi lain yang berkaitan.

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA
PERINGKAT INSTITUSI PENDIDIKAN SWASTA (IPS)**

PENASIHAT	:	Pengerusi Lembaga Pengelola
PENGERUSI	:	Pengetua/Guru Besar/Pengurus
TIMBALAN PENGERUSI	:	Penolong Kanan Pentadbiran/Pembantu Pengurus/ Ahli Lembaga Pengelola
SETIAUSAHA	:	Penolong Kanan Hal Ehwal Murid/Pembantu Pengurus/ Ahli Lembaga Pengelola
URUS SETIA	:	Guru yang dilantik oleh Jawatankuasa

AHLI JAWATANKUASA:

1. Ahli Lembaga Pengelola
2. Semua Guru
3. Pegawai Hal Ehwal Murid Antarabangsa (jika berkaitan)

TURUT HADIR:

Ketua-ketua jabatan lain daripada bahagian/jabatan kerajaan atau agensi swasta lain yang berkaitan.

Nota:

1. Bilangan ahli jawatankuasa adalah mengikut kesesuaian IPS.
2. IPS boleh melibatkan ibu bapa sebagai Jawatankuasa Pengurusan Bencana mengikut keperluan.

TERMA RUJUKAN

**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA
PERINGKAT KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA,
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI,
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH DAN INSTITUSI PENDIDIKAN
BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

1. NAMA JAWATANKUASA

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia/Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah/Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

2. OBJEKTIF

- 2.1 Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan bencana institusi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM),
- 2.2 Meningkatkan keselamatan fizikal dan warga institusi pendidikan KPM,
- 2.3 Membantu meringankan beban mangsa bencana dari aspek fizikal dan emosi dalam kalangan warga institusi pendidikan KPM.

3. FUNGSI

Menyokong struktur dan fungsi Arahan No. 20 (Semakan Semula) pada peringkat pusat/negeri/daerah seperti yang berikut:

- 3.1 menyertai/mewakili Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Pusat/Negeri/Daerah bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN);
- 3.2 menyelaraskan dan membekalkan data institusi pendidikan KPM dan murid/pelajar kepada MKN;
- 3.3 menyediakan maklumat kemudahan yang terdapat di institusi pendidikan KPM;
- 3.4 melaksanakan panduan/peraturan yang ditetapkan oleh MKN di institusi pendidikan KPM;
- 3.5 meningkatkan pemahaman bantuan pengurusan bencana kepada warga institusi pendidikan KPM;
- 3.6 meningkatkan kesiapsiagaan menghadapi bencana di institusi pendidikan KPM;

- 3.7 membantu mangsa bencana dalam kalangan murid/pelajar KPM mendapatkan akses pembelajaran;
- 3.8 menyediakan khidmat sokongan psikososial dalam kalangan warga institusi pendidikan KPM semasa dan pasca bencana; dan
- 3.9 mewujudkan bilik gerakan untuk tujuan mengumpul dan menyelaraskan maklumat untuk disalurkan kepada pihak yang memerlukan.

4. TAFSIRAN

4.1 Arahan No. 20 (Semakan Semula)

Arahan No. 20 (Semakan Semula) bertarikh 30 Mac 2012 merupakan "Arahan" berkaitan Dasar dan Mekanisme Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara bawah MKN, Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang disemak semula menggantikan Arahan No. 20 bertarikh 11 Mei 1997. Semakan semula ini selaras dengan perubahan semasa, corak serta kerumitan kejadian bencana pada masa tersebut. "Arahan" ini menggariskan mekanisme pengurusan bencana secara lebih menyeluruh meliputi peringkat sebelum, semasa dan selepas sesuatu kejadian bencana.

4.2 Bencana

"Bencana ialah suatu kejadian yang menyebabkan gangguan kepada aktiviti masyarakat dan urusan Negara, melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan penggembengan sumber yang ekstensif." [sumber: Arahan No. 20 (Semakan Semula)]

4.3 Jawatankuasa Pengurusan Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan (3K)

Jawatankuasa Pengurusan Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan yang ditubuhkan di peringkat induk, negeri, daerah dan institusi pendidikan KPM yang berfungsi memastikan aspek kebersihan, kesihatan dan keselamatan di institusi pendidikan KPM berada pada tahap yang baik.

4.4 Institusi Pendidikan KPM

Sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan, Kolej Tingkatan Enam (KTE), Kolej Vokasional (KV), Kolej Matrikulasi (KM), Institut Pendidikan Guru (IPG), institusi bawah Program GENIUS dan Institusi Pendidikan Swasta (IPS) yang berdaftar dengan KPM.

5. FUNGSI AHLI JAWATANKUASA

Jawatan	Fungsi
Penasihat	1. Memberi nasihat dan pandangan mengenai dasar, pelan strategik, pelan tindakan dan mencadangkan hala tuju pengurusan bencana KPM.
Pengerusi	1. Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Kementerian Pendidikan/Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah/Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. 2. Membuat keputusan dalam Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia/Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah/Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. 3. Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat/Negeri/ Daerah MKN. 4. Melantik wakil jika tidak dapat hadir dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat/Negeri/ Daerah bawah MKN. 5. Melantik mana-mana bahagian/jabatan/sektor/unit untuk melaksanakan tugas-tugas khas berkaitan pengurusan bencana berdasarkan keperluan dari semasa ke semasa.
Timbalan Pengerusi 1.	Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia/Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah/Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

2. Membantu pengerusi membuat keputusan dalam mesyuarat.
3. Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia/Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah/Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia jika pengerusi tidak dapat hadir.

Setiausaha

1. Menyelaras pengurusan jawatankuasa.
2. Melantik urus setia mesyuarat.

Urus Setia

1. Mengurussetiakan mesyuarat.
2. Menyedia dan mengedarkan minit serta maklum balas mesyuarat.

Ahli Jawatankuasa

1. Menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia/Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah/Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.
2. Merancang, menyelaras dan melaksanakan tugas berkaitan pengurusan bencana yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia/Jabatan Pendidikan Negeri/Pejabat Pendidikan Daerah/Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

6. KEKERAPAN MESYUARAT

- 6.1 Mesyuarat di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah adalah sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun atau mengikut keperluan.
- 6.2 Mesyuarat pada peringkat institusi pendidikan bawah KPM adalah sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun atau mengikut keperluan.
- 6.3 Mesyuarat bagi jawatankuasa peringkat sekolah boleh disekalikan dengan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan 3K, iaitu sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun atau mengikut keperluan.

7. KEAHLIAN

- 7.1 Keahlian bahagian/jabatan adalah ditetapkan mengikut fungsi bahagian/jabatan masing-masing dan mempunyai peranan langsung dalam memastikan pengurusan bencana pada semua peringkat berjalan lancar dan berkesan.
- 7.2 Keahlian individu adalah mengikut perjawatan atau dalam kalangan warga institusi berkenaan sahaja seperti yang disenaraikan dalam jawatankuasa.

8. TURUT HADIR

Ketua-ketua jabatan lain daripada bahagian/jabatan kerajaan peringkat negeri/daerah atau agensi swasta lain yang berkaitan berdasarkan keperluan semasa bagi sesuatu bencana yang berlaku.